

19 APR 1998
Mahathir-Syukur
USAHAKAN TANAH TANDA KESYUKURAN

KOTA TINGGI, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat supaya mengusahakan sepenuhnya tanah dan ladang milik mereka sebagai tanda kesyukuran.

Perdana Menteri berkata mereka yang benar-benar bersyukur akan membuktikan bahawa mereka akan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan hasil daripada tanah yang dikurniakan.

"Inilah yang sepatutnya menjadi sifat yang ada pada kita. Sebagai bukti kesyukuran, kita harus menggunakan tanah yang subur untuk memaksimumkan hasil," katanya ketika melancarkan Program Integrasi Ruminan Negara Dalam Ladang di Ladang Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata tidak mencukupi bagi seseorang untuk bersikap sambil lewa dalam soal bercucuk tanam tetapi sebaliknya berusaha bersungguh-sungguh untuk mengeluarkan hasil yang sebanyak mungkin.

"Negara kita bertuah, tanahnya subur dan cukup hujan dan panas. Kita tidak dilanda oleh malapetaka seperti negara-negara lain dan oleh itu, untuk bercucuk tanam adalah mudah," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata tidak memadai bagi rakyat untuk hanya menyatakan kesyukuran tanpa membuktikannya melalui usaha gigih.

Menurutnya, rakyat hendaklah benar-benar menghargai nikmat pemberian tuhan dengan menggunakan sepenuhnya kesuburan tanah yang ada untuk menambahkan hasil.

"Dengan kita berusaha bercucuk tanam sudah membuktikan kita bersyukur dan menggunakan nikmat yang dikurniakan tuhan untuk memberi kehidupan yang lebih bahagia," katanya.

Mengenai program integrasi ruminan dalam ladang, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu program yang amat baik dan perlu disambut oleh rakyat kerana ternakan seperti lembu boleh diusahakan di ladang tanpa banyak pengawasan.

Beliau berkata pulangan yang akan diperolehi hasil daripada ternakan haiwan itu di ladang adalah cukup besar.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyerahkan anak lembu kepada beberapa syarikat perladangan seperti Sime Darby dan Guthrie serta Persatuan Penternak Kota Tinggi dan Persatuan Peladang Negeri Johor bagi menjayakan program ternakan lembu di ladang kelapa sawit masing-masing.

Yang hadir sama ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

-- BERNAMA
MKO AH MAI